

30 JUN 2001

UM-Amaran

JANGAN CUBA HALANG KEDATANGAN PM KE UM: ANUAR

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Para penuntut, kakitangan serta pensyarah Universiti Malaya (UM) hari ini diberi amaran supaya jangan melibatkan diri dalam cubaan pihak tertentu menghalang kedatangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke kampus universiti itu esok bagi upacara penutupan Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru.

Naib Canselor Universiti Malaya Prof Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain yang memberi amaran itu hari ini berkata, mereka yang terbabit akan dikenakan tindakan tegas.

Pada masa yang sama beliau turut menegaskan bahawa pihak universiti akan bertindak tegas kepada pelajar, kakitangan dan pensyarah UM jika mereka didapati terbabit dengan kebakaran yang memusnahkan Dewan Tunku Canselor (DTC) universiti itu awal pagi semalam.

Prof Anuar Zaini yang ditemui selepas perasmian simposium itu di Auditorium Kompleks Perdana Siswa UM berkata, pihak universiti telah mengesan penyebaran risalah di sekitar kampus, yang menghasut para pelajar serta kakitangan universiti supaya menghalang Dr Mahathir daripada menghadiri dan menutup simposium itu dengan mengadakan perhimpunan bantahan di kampus.

Simposium itu terpaksa dipindahkan ke auditorium Kompleks Perdana Siswa apabila Dewan Tunku Canselor, iaitu tempat asal bagi acara itu musnah dalam kebakaran semalam.

Simposium itu dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Prof Anuar Zaini berkata, bantuan polis telah diminta bagi mengawasi keadaan dan pengawal keselamatan universiti akan bertindak tegas mengusir mereka yang tidak bertanggungjawab dari kawasan kampus semasa majlis penutupan simposium itu.

Naib canselor itu berkata, para pelajar seharusnya mengambil peluang daripada majlis penutupan simposium itu untuk bersemuka dengan Dr Mahathir dan menyuarakan sebarang bantahan atau pendapat mereka mengenai sesuatu perkara dengan cara yang beradab dan sopan.

"Pelajar universtiti seharusnya berfikiran rasional dan menggunakan masa ketika berada di universiti untuk membina siasah dan intelektual diri masing-masing dan bukannya terlibat dengan pengaruh negatif," katanya.

Beliau mengaku universiti menghadapi kesukaran untuk mengawal pergerakan orang ramai yang keluar masuk ke kawasan kampus memandangkan kedudukannya yang hampir dengan ibu kota dan kawasan perumahan awam.

Mengenai kebakaran DTC, naib canselor itu berkata, pihak pentadbiran UM tidak akan memaafkan mana-mana pelajar atau kakitangan universiti termasuk pensyarah jika didapati terlibat dengan kejadian itu.

"Jika didapati ada pelajar yang terlibat, pihak pentadbiran universiti tidak akan teragak-agak untuk menyingkirkan mereka.

"Bagi kakitangan atau pensyarah yang terlibat pula, mereka akan dikenakan tindakan mengikut prosedur universiti," katanya.

Beliau berkata kebakaran DTC, tidak mematahkan semangat pengajurnya iaitu Yayasan Penggerak Wawasan untuk meneruskan agenda yang dirancang, dengan memindahkan tempat acara itu ke auditorium Kompleks Perdana Siswa, katanya.

Mengenai memorandum Puteri Umno yang mendesak beliau meletakkan jawatan ekoran kejadian kebakaran itu, Prof Anuar Zaini berkata, ia merupakan

pandangan pertubuhan itu sendiri.

"Universiti ada prosedur dan peraturannya sendiri dan saya akan terus menjalankan tanggungawab sepertimana yang diamanahkan oleh kerajaan," katanya.

--BERNAMA

AKT AFY RI